

JUU SET 1 (SEJARAH KERTAS 1)

1. Gambar 1 di bawah merupakan tokoh yang menulis karya ulung iaitu *Muqaddimah*.



Apakah anggapan tokoh di atas terhadap kehidupan di bandar ?

- A kehidupan yang mementingkan diri
- B Kehidupan yang bersifat lahiriah
- C Kehidupan bersifat individualistik
- D Kehidupan yang bertamadun

2. Senarai di bawah merupakan ilmu pengetahuan dalam tamadun Mesir Purba.

- Algebra
- Astronomi
- Geometri

Mengapakah ilmu di atas penting kepada tamadun tersebut ?

- A Menentukan waktu menanam dan menuai
- B Menentukan waktu berlaku gempa bumi
- C Mengawal banjir Sungai Nil
- D Mengukur batu bata piramid

3. Augustus yang memerintah Rom dari tahun 27-14 S. M. telah membawa kegemilangan kepada tamadun Rom.

Apakah gelaran bagi zaman kegemilangan tersebut ?

- A Cahaya Rom
- B Pax Romana
- C Augustus Rom
- D Graeco Roman

4 Senarai berikut menerangkan sistem pendidikan tamadun China.

Peringkat	Pembelajaran
Rendah	Mengenal dan menghafal tulisan ideogram
Menengah	X
Tinggi	Menterjemah buku suci

Apakah pembelajaran X ?

- A Karangan dan sastera
- B Menghafal kitab agama
- C Merekod salasilah diraja
- D Menulis buku undang-undang

5 Mengapakah kerajaan Angkor menjadi kerajaan agraria yang unggul di Asia Tenggara ?

- I Bandar terancang yang moden
- II Terlindung daripada angin monsun
- III Berhampiran dengan Tasik Tonle Sap
- IV Iklim panas dan lembap sepanjang tahun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Pernyataan berikut menerangkan kedudukan raja dalam pemerintahan di Asia Tenggara.

Rakyat takut untuk menderhaka kepada raja walaupun raja tidak berlaku adil.

Mengapakah rakyat bersikap demikian ?

- A Raja berkuasa mutlak
- B Raja membentuk empayar
- C Raja adalah bayangan tuhan
- D Raja mempunyai kekuatan tentera


- 7 Pernyataan berikut menerangkan kehidupan masyarakat Jahiliah.

Terdapat dalam kalangan masyarakat Jahiliah yang menanam bayi perempuan sejurus dilahirkan

Mengapakah mereka bertindak demikian ?

- A Meringankan beban
- B Menjadi upacara korban
- C Menjaga maruah keluarga
- D Mengurangkan bilangan anak

- 8 Pernyataan di bawah adalah tentang seorang pendeta Nasrani.



Apakah ramalan tersebut ?

- A Usahawan yang berjaya
- B Menjadi pesuruh Allah
- C Pemimpin yang terkenal di Makkah
- D Berkahwin dengan Khadijah binti Khuwailid

- 9 Rajah berkaitan dengan perang yang berlaku antara orang Islam dengan puak Quraisy Makkah.

627 Masehi  
Perang Khandak

Apakah strategi yang digunakan dalam perang tersebut ?

- A Taktik gerila
- B Menggali parit
- C Membina kubu batu
- D Berkawal di atas bukit

- 10 Pernyataan berikut menerangkan peristiwa pembukaan semula kota Makkah.

Pasukan tentera Islam bergerak masuk ke kota Makkah menerusi empat arah yang berlainan, iaitu dari arah utara, selatan barat dan barat daya Makkah

Apakah kesan pembukaan kota tersebut kepada umat Islam ?

- A Menjadi pusat pendidikan Islam
- B Menjadi pusat pentadbiran Islam
- C Terpelihara daripada unsur jahiliah
- D Berkembang sebagai pusat perdagangan

- 11 Pernyataan berikut adalah mengenai peranan khalifah dalam sebuah pentadbiran negara Islam.

Seorang khalifah wajib menekankan kemajuan negara yang meliputi keadilan politik dan ekonomi serta sosial yang bersepadu apabila memerintah sebuah negara Islam

Mengapakah khalifah perlu bertindak demikian ?


- A Mewujudkan keseimbangan rohani dan jasmani
- D Melahirkan rakyat yang mengejar kemajuan
- B Menjadi pemimpin Islam yang berwibawa
- C Membentuk negara Islam yang disegani

12. Kerajaan Uthmaniyah telah mengamalkan dasar diplomasi dan toleransi di kawasan jajahan takluknya di Eropah.

Apakah bukti amalan dasar tersebut?

- A Menubuhkan majlis syura
- B Melaksanakan sistem hijabah
- C Menyokong gerakan Reformation
- D Mengiktiraf kedudukan gereja Ortodok

- 13 Gambar 2 menunjukkan batu bersurat yang ditemui di Kuala Berang, Terengganu.



Apakah yang dibuktikan melalui penemuan tersebut?

- A Kepesatan perdagangan
  - B Kedatangan agama Islam
  - C Kepentingan tulisan jawi
  - D Kemunculan kesusasteraan
- 14 Pernyataan di bawah menerangkan tentang sebuah kerajaan Islam di Asia Tenggara.

Pengislaman Raja Malik al-Salih telah membawa kepada kelahiran sebuah kerajaan Islam yang kuat di Asia Tenggara

Apakah nama kerajaan Islam yang dimaksudkan oleh pernyataan di atas ?

- A Melaka
  - B Aceh
  - C Perlak
  - D Pasai
- 15 Pernyataan berikut menerangkan pengaruh sastera dalam masyarakat Melayu tradisional.

Hasil kesusasteraan Melayu turut terpengaruh dengan gaya dan tatabahasa Arab. Selain itu, fungsi sastera juga telah berubah iaitu daripada berhibur kepada satu tujuan yang lain.

Apakah tujuan tersebut?

- A Bersantai
- B Mengkritik
- C Bergembira
- D Menterjemah

16 Adat Perpatih telah diamalkan oleh orang Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan dan Nanning.

Apakah ciri adat tersebut?

- A Perkahwinan sesama suku dibenarkan
- B Pemimpin dilantik berdasarkan keturunan
- C Pusaka dibahagikan mengikut hukum faraid
- D Penentuan jurai keturunan mengikut sebelah ibu

17 Apakah persamaan ciri dalam sistem feudal di Eropah dengan sistem feudal di negara kita?

- A Rakyat berhak memilih pemimpin
- B Raja memiliki tanah secara mutlak
- C Pembesar menjatuhkan hukuman mati
- D Golongan agama menguasai pentadbiran

18 Mengapakah negara-negara di Timur menjadi sasaran orang Eropah pada abad ke 16?

- A Memajukan masyarakat tempatan
- B Mempunyai kedudukan strategik
- C Memiliki kekayaan sumber alam
- D Membekalkan tenaga buruh

19 Maklumat berikut merujuk kepada pembesar-pembesar di negeri-negeri Melayu.

<b>Pembesar</b>	<b>Negeri</b>
Ngah Ibrahim	Perak
Raja Jumaat	Selangor
Datuk Kelana Putera	Negeri Sembilan

Apakah persamaan peranan pembesar tersebut ?

- A Mengusahakan lombong bijih timah
- B Menjalankan pertanian komersial
- C Memperkenalkan sistem kangcu
- D Membawa masuk imigran asing

- 20 Maklumat berikut merupakan akta yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 25 November 1913.

Akta Tanah Simpanan Melayu

Apakah tujuan akta tersebut diperkenalkan ?

- A Membolehkan petani Melayu menanam tanaman komersial
- B Memastikan tanah pusaka Melayu dibahagi secara saksama
- C Mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada orang asing
- D Melindungi masyarakat Melayu daripada penindasan orang tengah

- 21 Jadual menunjukkan negara yang menjadi sasaran imperialisme Barat

- China  
• India

Mengapakah negara berikut menjadi sasaran imperialisme Barat?

- A Lokasi strategik
- B Pasaran luas
- C Politik stabil
- D Tanah subur

- 22 Sebelum kedatangan Perancis, sistem birokrasi Vietnam diketuai oleh golongan Mandarin.

Bagaimanakah golongan ini dipilih ?

- A Pungutan suara
- B Pilihanraya
- C Peperiksaan
- D Pewarisan

- 23 Pantun berikut menggambarkan kedudukan Dol Said di Naning .

Baju Melayu segak dipakai  
Dipadan dengan gaya terkini  
Satu persepuluh hasil dicukai  
Dibantah Dol Said dengan berani

Bagaimanakah British menyelesaikan masalah di atas?

- A Menawan Naning
- B Menembak Dol Said
- C Memulau wilayah Naning
- D Merampas hasil penduduk

24 Apakah idea yang diperjuangkan oleh Kaum Muda di Tanah Melayu pada awal abad ke 20 ?

- A Penubuhan syarikat kerjasama
- B Pembentukan negara merdeka
- C Pengukuhan institusi beraja
- D Penjanaan kemajuan dunia

25 Count Camillo Benso di Cavour berusaha menyatukan Itali untuk menjadi sebuah negara bangsa.

Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?

- A Penguasaan Venetia
- B Penaklukan Lombardy
- C Pengunduran tentera Perancis
- D Penguatkuasaan amalan realpolitik

26 Kata perbilangan adat berikut diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan.

Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku berlembaga  
Anak buah berbuapak

Apakah corak pemerintahan yang diamalkan oleh perbilangan adat tersebut?

- A Teokrasi
- B Republik
- C Autokrasi
- D Demokrasi

27 Rajah menunjukkan antara faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.

Piagam Atlantik 1945

Apakah gesaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam piagam tersebut?

- A Dasar imperialisme
- B Dasar dekolonisasi
- C Dasar neokolonialisme
- D Dasar demokrasi berparlimen



28 Pernyataan di bawah menerangkan tindakan pemerintah Sarawak.

Tarikh	Peristiwa
8 Februari 1946	Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan tersebut ?

- A Percanggahan dengan Perlembagaan 1941
- B Penjualan saham kepada Raja Sarawak
- C Pembesaran tempatan tidak diberi kuasa
- D Penghapusan hak istimewa pribumi

29 Rajah di bawah menunjukkan keanggotaan Sistem Ahli pada peringkat awal.

Nama Ahli	Portfolio
Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
Dato' E.E.C Thuraisingam	Ahli Pelajaran
Dato' Mahmud Mat	Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan

Siapakah yang bertanggungjawab melantik Ahli tersebut ?

- A Menteri Besar
- B Gabenor British
- C Raja-raja Melayu
- D Pesuruhjaya Tinggi

30 Maklumat di bawah adalah berkenaan Dato' Onn Jaafar.

- Beliau berjaya menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union.
- Beliau telah mengasaskan UMNO dan menjadi Presiden UMNO yang pertama.
- Pada tahun 1951, beliau mengambil tindakan keluar daripada UMNO.

Mengapakah beliau mengambil tindakan tersebut ?

- A Ahli UMNO menolak kepimpinan beliau dalam parti
- B Tewas dalam proses pemilihan pemimpin tertinggi parti
- C Mengurangkan tekanan daripada Parti Komunis Malaya
- D Cadangan membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu ditolak

- 31 Jadual menunjukkan keputusan pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Parti	Jumlah kerusi Yang Dipertandingkan	Bilangan kerusi Dimenangi
Parti Perikatan	52	51
Parti Negara	30	-
PAS	11	1

Apakah manifesto Parti Perikatan yang membawa kemenangan tersebut ?

- A Perkhidmatan awam bercorak tempatan
- B Peluang pekerjaan rakyat tempatan
- C Penubuhan sistem birokrasi barat
- D Persamaan hak bagi semua kaum

- 32 Rajah di bawah menerangkan peristiwa dalam satu pilihanraya di Singapura.

Barisan Sosialis menang pilihanraya Bandar Hong Lim pada April 1961

Mengapakah Lim Kuan Yew berasa terkejut ?

- A Perpaduan kaum terjejas
- B Penguasaan politik British
- C Proses kemerdekaan lambat
- D Ekonomi Singapura dikuasai British

- 33 Jawatankuasa Antara Kerajaan ditubuhkan pada Ogos 1962 telah dianggotai oleh wakil-wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sabah dan Sarawak.

Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut ?

- A Mengumpulkan pandangan Sabah dan Sarawak tentang Malaysia
- B Membincangkan hak rakyat Sabah dan Sarawak dalam Malaysia
- C Mengemukakan cadangan penubuhan Malaysia
- D Memelihara hubungan politik Malaysia-Indonesia


34 Rajah dibawah berkaitan bidang kuasa kerajaan negeri.

Bidang Kuasa Kerajaan Negeri
<ul style="list-style-type: none"><li>• Tanah</li><li>• Kerajaan Tempatan</li><li>• X</li></ul>

Apakah X ?

- A Kebajikan sosial
- B Pentadbiran dan keadilan
- C Pertanian dan perhutanan
- D Keselamatan dalam negeri

35 Pernyataan di bawah merupakan galakan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Pertama.



Mengapakah akta tersebut diwujudkan ?

- A Menggalakkan kemunculan industri baru
- B Meningkatkan hasil keluaran pertanian
- C Membuka banyak peluang pekerjaan
- D Menguruskan projek industri berat

36 Jadual di bawah menunjukkan agensi-agensi yang diwujudkan dalam Rancangan Malaysia ketiga.

<ul style="list-style-type: none"><li>• Lembaga kemajuan Pahang Tenggara</li><li>• Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan</li><li>• Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah</li></ul>
---

Apakah tanaman yang diberi tumpuan oleh agensi tersebut ?

- A getah dan kelapa sawit
- B kelapa sawit dan kopi
- C tembakau dan nanas
- D getah dan koko

37 Bagaimanakah sukan dapat memainkan peranan sebagai alat perpaduan ?

- A Melibatkan penyertaan pelbagai kaum tanpa mengira ideologi
- B Mengembangkan potensi individu dalam pelbagai acara
- C Mewajibkan pelajar menyertai ko-kurikulum di sekolah
- D Mengharumkan nama Malaysia di persada dunia

38 Jadual berikut menunjukkan perubahan dasar luar Malaysia.

<b>Dasar Luar Malaysia</b>	
Tahap Pertama	Pro-Barat
Tahap Kedua	Berkecuali
Tahap Ketiga	Berkecuali dan menekankan kepentingan ekonomi

Mengapakah berlaku perubahan tersebut ?

- A Ideologi komunis semakin berkurangan
- B Bantuan tentera daripada negara Komanwel
- C Pengaruh Britain di Timur semakin berkurangan
- D Konfrontasi Malaysia-Indonesia berjaya diselesaikan


39 Senarai di bawah menunjukkan pertubuhan di Asia Tenggara.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• ASA</li><li>• ASEAN</li></ul> |
|---|

Apakah persamaan matlamat pertubuhan tersebut ?

- A Menyelesaikan pertelingkahan negara anggota
- B Menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang
- C Menandatangani perjanjian ketenteraan
- D Menghapuskan pengaruh komunis

40    Peta menunjukkan kawasan Koridor Raya Multimedia.



Apakah kepentingan projek ini kepada rakyat Malaysia ?

- A    Menggalakkan penggunaan teknologi maklumat
- B    Mewujudkan rangkaian perhubungan terkini
- C    Mengembangkan sektor ekonomi negara
- D    Melahirkan masyarakat yang berilmu

**KERTAS SOALAN TAMAT**